



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

LAPORAN TAHUNAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN 2008



Laporan **Tahunan**
J P K 2 0 0 8



KANDUNGAN

K A N D U N G A N

i	Prakata Ketua Setiausaha
iii	Prakata Ketua Pengarah
1	Pengenalan
2	Visi, Misi, Objektif
3	Program dan Aktiviti Utama
4	Pelancaran Pelan Induk Latihan & Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia 2008-2020
6	Pertandingan MySkills 2008
8	Sambutan Jubli Perak CIIAST
10	Persidangan Ketua Eksekutif Pusat Bertauliah 2008
12	Audit Ketaakuran Pusat Bertauliah 2008

PRAKATA

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia



Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam usaha menghasilkan Laporan Tahunan 2008 ini. Laporan ini merupakan laporan aktiviti JPK sepanjang tahun 2008 di dalam penghasilan tenaga kerja mahir yang kompeten dan berpengetahuan. Tenaga kerja mahir merupakan satu keperluan penting di dalam pembangunan negara.

Tugas paling mencabar dalam sektor Latihan dan Pembangunan Kemahiran adalah menghasilkan/mengeluarkan tenaga kerja yang dapat memenuhi kehendak industri. Oleh itu, saya menyeru kepada semua pihak yang terlibat seperti agensi kerajaan berkaitan, penyedia latihan, persatuan industri, media, majikan serta pelatih agar dapat menjalankan peranan masing-masing dalam membantu menyelesaikan masalah *mismatch*.

Bagi memenuhi keperluan majikan, penyedia latihan perlulah melatih pekerja menjadi lebih kompeten dalam bidang mereka dengan kemahiran teknikal dan kemahiran tambahan seperti kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, berintegriti serta sikap positif bagi mencapai kecemerlangan dan meningkatkan kebolehkerjaan.

Bagi memenuhi keperluan dan perubahan industri, JPK secara berterusan sedaya upaya mengemaskini serta menambahbaik sistem latihan kemahiran negara menerusi kajian semula Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK - NOSS) dan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia. JPK bertanggungjawab bagi menghasilkan tenaga kerja mahir yang kompeten dan kompetitif dalam pelbagai bidang dan tahap. Ini bukan sahaja menyumbang



kepada keperluan peningkatan tenaga kerja oleh industri tetapi juga menjadikan negara yang kompetitif seterusnya merealisasikan wawasan negara.

Y. Bhg. Datuk Thomas George





Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana memudahkan urusan dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan JPK 2008. Secara umumnya, aktiviti-aktiviti sepanjang tahun 2008 mencapai sasaran yang telah ditetapkan di mana semua aktiviti tersebut memfokuskan kepada pembangunan tenaga mahir negara. Dengan wujudnya Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan [Akta 652], Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) merasakan kualiti keseluruhan pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia akan dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik seterusnya kepada penghasilan tenaga kerja mahir yang lebih kompeten.

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) merupakan agenda nasional dalam usaha memastikan kualiti pelatih yang dikeluarkan dapat memenuhi kehendak dan keperluan industri. Sistem ini juga diharapkan dapat mengurangkan masalah *mismatch* di industri. Pelbagai usaha yang telah dan akan terus dijalankan bagi memastikan program ini disertai oleh pelbagai industri. Sepanjang tahun 2008, sebanyak 864 syarikat dan seramai 7,464 orang perantis telah menyertai SLDN. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat pada tahun 2009 dan tahun berikutnya.

Berdasarkan kepada pencapaian aktiviti JPK sehingga tahun 2008, jumlah keseluruhan NOSS yang telah dibangunkan adalah sebanyak 957 NOSS. Sebanyak 904 buah Pusat Bertauliah yang aktif serta 5,766 program telah ditauliahkan sepanjang 2008. JPK juga telah menganugerahkan sebanyak 104,244 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Daripada jumlah tersebut 97,247 SKM dianugerahkan melalui Pusat Bertauliah, 6,507 SKM melalui




Pentauliahian Pencapaian Terdahulu (PPT) dan 490 SKM melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) kepada mereka yang disahkan kompeten dalam bidang dan tahap masing-masing.

JPK juga menggalakkan Pusat Bertauliah untuk bekerjasama dengan pihak industri dalam menghasilkan pekerja mahir dengan keperluan kemahiran tertentu untuk semua sektor industri. Pekerja sedia ada juga perlu mengubah minda dan menerima budaya pembelajaran sepanjang hayat bagi memastikan kesesuaian suasana kerja yang dinamik.

Y. Bhg. Dato' Ir. Wan Seman bin Wan Ahmad





PENGENALAN

BERKENAAN

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dahulunya dikenali sebagai Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) adalah merupakan jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang telah ditubuhkan pada 2 Mei 1989 melalui penyusunan semula Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK). Tujuan utama penubuhan JPK adalah bagi merumus, menggalak dan menyelaras strategi dan program latihan kemahiran sejajar dengan keperluan serta perkembangan teknologi dan ekonomi Negara.

Nama MLVK telah ditukarkan kepada JPK setelah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dikuatkuasakan mulai 1 September 2006. Di bawah akta ini, Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) ditubuhkan bertujuan meluluskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) dan memberi khidmat nasihat kepada Menteri Sumber Manusia tentang pembangunan kemahiran.

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan sebagai peneraju pembangunan sumber manusia mahir negara, JPK telah memperluas dan memperkukuhkan fungsinya dengan pewartaan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) di bawah pengurusan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) berkuatkuasa 16 Jun 2007.



Visi

Peneraju dalam pembangunan sumber manusia mahir bertaraf dunia.

Misi

Membangunkan sumber manusia mahir yang berpengetahuan (K-pekerja) dan berdaya saing.

Objektif

- a) Menyelaras dan mengawal pelaksanaan sistem latihan kemahiran bagi melahirkan k-Pekerja untuk keperluan pekerjaan dan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa.
- b) Menyelidik dan membangun standard kekompetenan pekerjaan dan kepakaran bagi meningkatkan kualiti sumber manusia mahir secara berterusan ke arah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.



PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

Berikut adalah program dan aktiviti utama JPK sebagai penyelaras dalam pembangunan kemahiran negara:

- Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK);
- Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (Pusat Bertauliah / Pentauliah Pencapaian Terdahulu / Sistem Latihan Dual Nasional);
- Pembangunan pakar industri;
- Pembangunan tenaga pengajar latihan kemahiran;
- Promosi latihan dan pembangunan kemahiran;
- Kajian latihan dan pembangunan kemahiran;
- Penilaian dan pengiktirafan terhadap program latihan;
- Program pembangunan kemahiran tenaga pengajar vokasional / PLV (ditaja oleh JPA); dan
- Perakuan kemahiran pekerja asing.

PELANCARAN PELAN INDUK LATIHAN DAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA 2008 - 2020

Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia 2008-2020 telah dihasilkan bagi menyediakan satu landasan untuk membina keupayaan melalui penghasilan modal insan kelas pertama, berpengetahuan dan berkemahiran sesuai dengan kehendak semasa dan masa hadapan industri negara selaras dengan Misi Nasional. Pelan Induk tersebut telah dilancarkan pada 3 Mei 2008 oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang menerangkan dengan terperinci hala tuju latihan dan pembangunan kemahiran negara menjelang tahun 2020.

Sistem latihan dan pembangunan kemahiran bertujuan untuk :

- a) membangunkan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, dilengkapi dengan nilai dan sikap positif bagi membolehkan industri di Malaysia berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa; dan
- b) mempromosi melalui latihan kemahiran, pembangunan dan penambahbaikan kualiti kehidupan untuk rakyat Malaysia, dengan mengambilkira keupayaan yang dimiliki oleh setiap individu.

Misi ini akan dipenuhi melalui kerjasama pihak berkepentingan dalam pendidikan dan latihan, industri dan semua pihak yang memerlukan latihan dan pembangunan kemahiran. Lima teras strategik yang dikenalpasti untuk memperkukuhkan sistem latihan dan pembangunan kemahiran Negara adalah :

- i. Memperkukuhkan sistem latihan dan pembangunan kemahiran kebangsaan;
- ii. Mempertingkatkan kualiti latihan dan pembangunan kemahiran;
- iii. Memperluaskan akses dan peluang untuk setiap individu;
- iv. Memenuhi keperluan tenaga kerja mahir oleh industri; dan
- v. Mempertingkatkan martabat serta pengiktirafan kelayakan dan kerjaya berasaskan kemahiran.



Pelancaran Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia 2008-2020 oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia

Selaras dengan itu, bagi merealisasikan lima teras utama yang telah dinyatakan dalam pelan tersebut, satu pelan operasi telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 15 Ogos 2008. Pelan operasi ini mengandungi program dan aktiviti yang perlu dilaksanakan bagi mencapai hasrat kerajaan yang telah dinyatakan oleh setiap teras di dalam pelan induk tersebut.



Pelancaran Pelan Operasi Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia 2008-2020 oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia

PERTANDINGAN MySkills 2008

Pertandingan *MySkills* merupakan salah satu aktiviti tahunan JPK yang bertujuan memastikan tahap kekompetenan tenaga pengajar pusat latihan kemahiran berada di tahap yang ditetapkan. Pertandingan ini merupakan pengukur untuk mengiktiraf dan meningkatkan kekompetenan tenaga pengajar di pusat latihan kemahiran di Malaysia disamping membangunkan tenaga pengajar yang kompetitif setaraf di peringkat antarabangsa (*world-class trainer*).

Pada tahun 2008, pertandingan pra-kelayakan teori telah diadakan pada 5 Mac 2008 manakala pra-kelayakan praktikal di adakan pada 24 hingga 29 Mac 2008. Sebanyak 29 bidang kemahiran telah dipertandingkan dengan penyertaan seramai 482 peserta. Pertandingan pra-kelayakan bertujuan bagi memilih 193 peserta yang layak ke peringkat akhir Pertandingan *MySkills*. Terdapat tiga bidang untuk acara demonstrasi juga telah diadakan pada 24 April hingga 11 Mei 2008. Bidang yang dipertandingkan dan keputusan akhir Pertandingan *MySkills* 2008 adalah seperti Jadual 1 dan 2.

Jadual 1 : Bidang yang Dipertandingkan dan Acara Demo MySkills 2008

Bil	Bidang Kemahiran	Bil	Bidang Kemahiran
1	Mechatronics	17	Ladies / Men Hairdressing
2	Mech. Eng. CADD	18	Ladies Dressmaking
3	CNC Turning	19	Confectioner / Pastry Cook
4	CNC Milling	20	Automobile Technology
5	IT/Software Applications	21	Cooking
6	Welding	22	Restaurant Service
7	Wall & Floor Tiling	23	Landscape Gardening
8	Plumbing	24	Refrigeration
9	Industrial Electronics	25	IT PC / Network Support
10	Web Design	26	Graphic Design Technology
11	Electrical Installation	27	Batik
12	Bricklaying	28	Beauty Theraphy
13	Cabinetmaking	29	Mould Making
14	Joinery	30	Polymechanics / Automation (Demo)
15	Carpentry	31	Mobile Robotics (Demo)
16	Floristry	32	Industrial Control (Demo)

Jadual 2 : Keputusan Pertandingan Akhir MySkills 2008

Agensi	Bilangan Pemenang Bagi Setiap Anugerah						Jumlah
	Platinum	Emas	Perak	Gangsa	Diploma Kecemerlangan	Sijil	
KSM	1	2	5	4	18	12	42
KPT	0	0	2	4	8	16	30
KBS	0	1	1	1	6	3	12
IKM	0	0	1	4	16	7	28
PUSAT GIATMARA	0	1	2	2	13	2	20
PERHEBAT	0	1	0	0	0	0	1
KPM	0	0	0	0	4	2	6
INST. KRAFTANGAN	1	1	1	1	2	0	6
SWASTA / KERAJAAN NEGERI	1	3	6	6	24	8	48
JUMLAH	3	9	18	22	91	50	193



Anugerah Pertandingan MySkills 2008 disampaikan oleh
Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia
kepada Pemenang Platinum

SAMBUTAN JUBLI PERAK CIAST

Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan atau lebih dikenali sebagai CIAST telah ditubuhkan pada tahun 1983 dengan penajaan oleh kerajaan Jepun di bawah Projek Pembangunan Sumber Manusia ASEAN. Pada 20 Ogos 2008, CIAST telah mencatat sejarah dengan menyambut Jubli Perak sempena ulang tahun yang ke-25. Semenjak penubuhannya, CIAST telah melahirkan ramai pengajar yang kompeten yang mana ilmu dan kemahiran yang dicurahkan kepada mereka dapat disalurkan kepada pelatih dan generasi akan datang. Ini amat bertepatan dengan objektif penubuhan CIAST iaitu menyelaraskan, mengurus, menyelia dan memantau:

- i. Program pembangunan pengajar kemahiran;
- ii. Program peningkatan kemahiran bagi pengajar kemahiran, pekerja, penyelia dan coaches SLDN di industri; dan
- iii. Program peningkatan kemahiran pakar industri Negara.

Perasmian Jubli Perak telah disempurnakan oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam. Antara jemputan yang hadir termasuklah Tuan Yang Terutama Masahiko Horie, Duta Jepun ke Malaysia; Y. Bhg. Datuk Thomas George, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia dan Y. Bhg. Dato' Ir. Wan Seman bin Wan Ahmad, Ketua Pengarah JPK. Sambutan Jubli Perak CIAST telah berlangsung selama tiga hari di mana antara aktiviti yang diadakan adalah :



Pelancaran Jubli Perak CIAST oleh Y.B. Datuk Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia



Y.B. Menteri Sumber Manusia melawat tapak pameran sempena Sambutan Jubli Perak CIAST

- i. Persidangan Ketua Eksekutif Pusat Bertauliah 2008;
- ii. Majlis Konvokesyen Graduan CIAST;
- iii. Pelancaran Alumni CIAST; dan
- iv. Karnival PUSPANITA Cawangan Kementerian Sumber Manusia.



Y.B. Dato' Noraini binti Ahmad, Timbalan Menteri Sumber Manusia menyampaikan anugerah kepada pelajar cemerlang pada Majlis Konvokesyen CIAST



Karnival Puspanita Cawangan Kementerian Sumber Manusia 2008 telah dilancarkan oleh Y. Bhg. Datin Umarani, isteri Y.B. Menteri Sumber Manusia,



Pelancaran Alumni CIAST oleh Dato' Ir. Wan Seman bin Wan Ahmad, Ketua Pengarah JPK

PERSIDANGAN KETUA EKSEKUTIF PUSAT BERTAULIAH 2008

Persidangan Ketua Eksekutif Pusat Bertauliah 2008 telah diadakan di CIAST pada 20 Ogos 2008 sempena sambutan Jubli Perak CIAST. Ia merupakan acara tahunan Jabatan dan telah dihadiri oleh 1,000 peserta yang terdiri daripada Ketua Eksekutif Pusat Bertauliah Awam dan Swasta, wakil industri dan wakil kementerian. Tujuan persidangan ini diadakan adalah :

- i. Menyampaikan maklumat terkini mengenai rancangan dan pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
- ii. Mendapatkan maklumbalas dan cadangan hala tuju pembangunan latihan dan kemahiran serta peranan dan masa depan Pusat Bertauliah JPK; dan
- iii. Menggerak dan memacu usaha ke arah pengiktirafan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia oleh kerajaan.



*Panel menjawab soalan yang diajukan oleh peserta Persidangan
Ketua Eksekutif Pusat Bertauliah*

Persidangan kali ini telah dibahagikan kepada tiga (3) sesi di mana setiap sesi terdiri daripada seorang pengerusi dan tiga orang panel yang membentangkan kertas kerja yang berkaitan dengan sistem latihan kemahiran. Kertas kerja yang telah dibentangkan adalah seperti berikut :

i. **Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia 2008 - 2020**

oleh Tn. Hj. Mohamad bin Sulaiman, Pengarah PPP, JPK

ii. **SLDN : Pusat Bertauliah sebagai Pemangkin**

oleh En. Mohamad b Yaacob, Pengarah SLDN, JPK

iii. **Perlaksanaan Sistem “Star Rating” ILJTM**

oleh Pn. Faizah bt Harun, Jabatan Tenaga Manusia (JTM)

iv. **Guna Tenaga Kebangsaan**

oleh En. Wan Zulkfli b Wan Setapa, Jabatan Tenaga Kerja (JTK)

v. **Memperkasa Peranan Pusat Bertauliah (PB) Swasta dalam Melahirkan Pekerja Mahir**

oleh Y.Bhg. Dato’ Dr Hj Muhammad Nasir bin Hj Hamzah,
Presiden FeMAC

vi. **My Thought on Professor Naruse**

oleh Mr. Akira Hara, HRD Policy Adviser
Japan International Cooperation Agency (JICA)

vii. **Managing PSMB Registered Training Provider to Support NDTs**

oleh Tn. Hj. Shahril b Hassan,
Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)

viii. **Kelayakan Kekompetenan Pekerja Mahir**

oleh Pn. Zuleah bt Darsong, Pengarah Pembangunan Kepakaran, JPK

ix. **Pembiayaan Tabung Pinjaman Pembangunan Kemahiran**

oleh En. Ali Badaruddin b Abd. Kadir, Ketua Eksekutif, Perbadanan Tabung
Pembangunan Kemahiran (PTPK)

AUDIT KETAAKURAN PUSAT BERTAULIAH 2008

Lawatan audit pematuhan telah diadakan bermula September 2008 bagi memastikan setiap Pusat Bertauliah (PB) mencapai piawaian yang ditetapkan oleh jabatan dalam melaksanakan program latihan yang ditauliahkan. Lawatan ini merupakan salah satu mekanisme pemantauan yang dilaksanakan selaras dengan keperluan yang ditetapkan oleh Akta 652. Perkara yang diberi perhatian semasa lawatan audit ketakuran adalah mengkaji, menilai dan menyemak kelayakan Pegawai Penilai (PP), peralatan dan kemudahan latihan dan juga kesempurnaan pentadbiran di semua Pusat Bertauliah JPK.


Tiga aspek utama yang diberi tumpuan kepada audit pematuhan adalah:

- i. Pegawai Penilai (PP);
- ii. Peralatan/Kemudahan Latihan; dan
- iii. Pengurusan PB

Hasil Penemuan

Hasil penemuan daripada lawatan audit pematuhan terhadap 996 buah Pusat Bertauliah (PB) di seluruh Malaysia merangkumi 614 PB swasta dan 382 PB kerajaan, didapati sebanyak 750 buah Pusat Bertauliah (PB) disokong untuk diteruskan pentauliahannya manakala 148 dikaji semula dan 98 disyorkan ditarik semula pentauliahannya. Carta 1 menunjukkan pecahan dari hasil lawatan audit ketakuran.

Carta 1 : Pecahan Peratusan Hasil Lawatan Audit Ketaakuran 2008



Antara penemuan yang diperolehi sepanjang proses audit pematuhan dijalankan yang menjadi punca penamatan program pentauliah adalah:

- Pusat bertauliah tidak beroperasi atau tiada premis atau premis ditutup atau mana-mana pusat bertauliah yang memohon ditamatkan pentauliahannya;
- Pusat bertauliah tidak menjalankan program SKM; dan
- Personel pentauliah, peralatan, premis serta kurikulum latihan pada keseluruhannya tidak memenuhi kriteria pentauliah yang ditetapkan oleh JPK.

PEMBANGUNAN ANALISIS BIDANG PEKERJAAN

Sepanjang tahun 2008, tumpuan diberikan kepada lapan (8) sektor industri iaitu *Business & Professional Services, Integrated Logistic Services Industry, Machinery & Equipment Industry, Halal Industry, Transport Equipment Industry, ICT Services, Oil-Palm Based Industry* dan *Distributive Trade Services* diberi tumpuan dalam pembangunan analisis bidang pekerjaan (occupational analysis – OA). Tujuan analisis bidang pekerjaan ini adalah menganalisa keperluan kekompetenan sumber manusia mahir untuk tenaga kerja industri berkaitan. Jadual 3, menunjukkan jumlah tajuk pekerjaan yang telah dikenalpasti untuk pembangunan sumber tenaga mahir dalam bidang berkaitan.

Jadual 3 : Jumlah Tajuk Pekerjaan Yang Dibangunkan Tahun 2008

Bil	Bidang	Jumlah Tajuk Pekerjaan	Bilangan Tajuk Pekerjaan Kritikal
1	<i>Business & Professional Services</i>	165	16
2	<i>Intergrated Logistic Services Industry</i>	106	54
3	<i>Machinery & Equipment Industry</i>	170	71
4	<i>Halal Industry</i>	68	56
5	<i>Transport Equipment Industry</i>	132	69
6	<i>ICT Services</i>	53	38
7	<i>Oil-Palm Based Industry</i>	120	75
8	<i>Distribute Trade Services</i>	69	17
JUMLAH		883	394



Daripada lapan (8) bidang tersebut, didapati sejumlah 883 tajuk pekerjaan dikenalpasti yang mana sebanyak 394 tajuk pekerjaan telah dikategorikan sebagai tajuk pekerjaan yang kritikal dan perlu diberi keutamaan dalam membangunkan standard pekerjaan bagi memenuhi keperluan industri.

PEMBANGUNAN STANDARD

Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK - NOSS). Selaras dengan peningkatan bilangan pekerja mahir yang diperlukan oleh industri, pembangunan standard yang berkualiti menjadi faktor utama dalam membantu perkembangan ekonomi negara. Sehingga Disember 2008, sebanyak 957 NOSS telah dibangunkan. Jadual 4 menunjukkan statistik pembangunan NOSS.

Jadual 4 : Jumlah Pembangunan NOSS Sehingga 31 Disember 2008

TAHAP	Sehingga Tahun 2007	Pembangunan Tahun 2008	JUMLAH
NCS	11	-6	5
1	187	9	196
2	276	30	306
3	285	9	294
4	68	14	82
5	62	11	73
6	0	1	1
JUMLAH	889	68	957



Pembangunan Bahan Pembelajaran

Sehingga Disember 2008, sebanyak 312 bahan pembelajaran telah dibangunkan. Tujuan pembangunan bahan pembelajaran ini adalah sebagai rujukan dalam penyampaian latihan di Pusat Bertauliah. Jadual 5, menunjukkan pecahan bahan pembelajaran yang telah dibangunkan.

Jadual 5 : Jumlah Pembangunan Bahan Pembelajaran Sehingga 31 Disember 2008

TAHAP	TM	COS	WIM	TOP	LWA	IM	MLI	JUMLAH
NCS	0	0	0	0	0	0	0	0
1	37	5	3	20	0	0	0	65
2	57	7	2	26	3	0	0	95
3	55	6	0	15	32	1	0	109
4	2	1	1	4	4	0	1	13
5	2	16	8	2	1	0	1	30
JUMLAH	153	35	14	67	40	1	2	312

NOTA : TM – Training Manual, LG – Learning Guide, COS – Course of Study,
WIM – Written Instructional Material, TOP – Task Outline Profile,
LWA – Learn & Work Assignment, IM – Internship Manual,
MLI – Manual Latihan Industri

SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)

Sehingga Disember 2008, Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) telah berjaya menarik minat pihak industri bagi melaksanakan latihan di tempat kerja. Jadual 6 menunjukkan penglibatan industri dan perantis yang sedang menjalani program SLDN.

Jadual 6 : Bilangan Syarikat & Perantis Yang Mengikuti Program SLDN

BIL	PERKARA	BILANGAN
1	Industri (termasuk cawangan)	864
2	Institut Latihan	119
3	Perantis	7,464
4	Program	105

Jadual 7 dan 8 menunjukkan kategori syarikat yang telah melaksanakan SLDN serta pecahan penglibatan mengikut wilayah. Dalam pelaksanaan SLDN, syarikat Industri Kecil Sederhana (IKS - SMI) merupakan kategori penyertaan yang paling tinggi berbanding dua kategori lain. Ini adalah kerana SMI merupakan penyumbang utama dalam pertumbuhan ekonomi negara.

*Jadual 7 : Penyertaan Industri dan Perantis Mengikut Kategori Syarikat
Sehingga 31 Disember 2008*


BIL	PERKARA	KATEGORI SYARIKAT			JUMLAH
		GLC	MNC	SMI	
1	Industri	251	152	461	864
2	Perantis	731	658	6,075	7,464

*Jadual 8 : Penyertaan Industri dan Perantis Mengikut Negeri
Sehingga 31 Disember 2008*

ZON	NEGERI	BIL SYARIKAT	BIL PERANTIS
Tengah	Kuala Lumpur	83	2,453
	Selangor	354	1,641
	Perak	12	199
Utara	Pulau Pinang	13	163
	Kedah	92	91
Selatan	Melaka	19	245
	Negeri Sembilan	17	206
	Johor	82	976
Timur	Terengganu	114	475
	Pahang	12	209
	Kelantan	16	177
Sabah	Sabah	28	418
	Labuan	3	19
Sarawak	Sarawak	19	192
JUMLAH		864	7,464

Carta 2 menunjukkan peningkatan penyertaan syarikat dan perantis yang terlibat antara tahun 2006 hingga 2008. Peningkatan ini berlaku disebabkan banyak syarikat telah sedar betapa pentingnya latihan kemahiran dalam memperolehi tenaga kerja mahir yang diperlukan oleh industri.

Carta 2 : Penyertaan Perantis dan Syarikat Dalam SLDN Dari Tahun 2005 Hingga 2008



PENYERTAAN	TAHUN				JUMLAH
	2005	2006	2007	2008	
Perantis	71	132	2,089	5,172	7,464
Syarikat	45	155	325	339	864

PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

Pentauliahahan Pusat Latihan dan Program


Sebanyak 904 buah pusat bertauliah (PB) melaksanakan program latihan kemahiran yang ditauliahkan sehingga Disember 2008. Daripada bilangan tersebut, sebanyak 362 buah adalah PB kerajaan manakala 542 adalah swasta.

*Jadual 9 : Statistik Pusat Bertauliah Aktif Mengikut Negeri Dan Jenis Pusat
Sehingga 31 Disember 2008*

NEGERI	KERAJAAN	SWASTA	JUMLAH
JOHOR	44	45	89
KEDAH	32	19	51
KELANTAN	16	10	26
MELAKA	16	18	34
NEGERI SEMBILAN	18	22	40
PAHANG	26	21	47
PULAU PINANG	18	38	56
PERAK	35	36	71
PERLIS	7	1	8
SABAH	38	33	71
SARAWAK	30	35	65
SELANGOR	39	134	173
TERENGGANU	26	41	67
WILAYAH PERSEKUTUAN KL	14	89	103
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	3	0	3
JUMLAH PUSAT BERTAULIAH	362	542	904

Berdasarkan Carta 3 di bawah, pentauliahn pusat latihan didapati meningkat dari tahun 2005 hingga 2007, manakala pada tahun 2008 bilangan ini menurun kepada 904 buah Pusat Bertauliah iaitu sebanyak 24 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ini kerana terdapat Pusat Bertauliah yang telah ditarik balik pentauliahannya kerana tidak mengekalkan kualiti latihan serta tidak mengikuti syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

Carta 3 : Bilangan Pusat Bertauliah Dari Tahun 2003 Hingga Disember 2008




Sebanyak 5,766 program telah ditauliahkan kepada pusat-pusat bertauliah yang aktif di mana kebanyakan program yang ditauliahkan adalah pada tahap satu dan tahap dua. Jadual 10 di bawah menunjukkan jumlah program yang ditauliahkan mengikut negeri dan tahap.

Jadual 10 : Bilangan Program Yang Ditauliahkan Mengikut Negeri Dan Tahap Sehingga Disember 2008

NEGERI	TAHAP						JUMLAH
	NCS	1	2	3	4	5	
JOHOR	2	236	242	123	21	1	625
KEDAH	0	122	121	55	12	1	311
KELANTAN	0	88	72	28	1	0	189
MELAKA	1	80	108	78	15	6	288
NEGERI SEMBILAN	0	116	112	71	5	1	305
PAHANG	1	134	122	69	11	1	338
PULAU PINANG	1	104	138	80	9	5	337
PERAK	0	190	175	66	6	0	438
PERLIS	0	40	29	19	4	2	94
SABAH	1	152	150	48	3	2	356
SARAWAK	0	158	188	117	6	1	470
SELANGOR	1	368	459	300	35	9	1,172
TERENGGANU	0	137	130	58	3	0	328
WILAYAH PERSEKUTUAN KL	1	148	207	112	10	3	481
W. PERSEKUTUAN LABUAN	0	15	15	4	0	0	34
JUMLAH PROGRAM	8	2,088	2,268	1,229	141	32	5,766

Pada tahun 2008, jumlah program yang ditauliahkan menurun dari 6,641 pada tahun sebelumnya kepada 5,766. Ini mencatatkan penurunan sebanyak 14 peratus dan ia berkait rapat dengan jumlah pentauliahkan pusat latihan.

Carta 4 : Jumlah Program Yang Ditauliahkan Dari Tahun 2004 Hingga 2008



Penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)


Penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dilaksanakan melalui tiga kaedah utama iaitu Pusat Bertauliah (PB), Pentauliahkan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Pada tahun 2008, sebanyak 104,244 sijil telah dikeluarkan meliputi 49,091 SKM Tahap 1; 40,996 SKM Tahap 2; 12,084 SKM Tahap 3; 2,041 DKM dan 32 DLKM. Jadual 11 menunjukkan statistik pengeluaran SKM, DKM dan DLKM sehingga 31 Disember 2008 melalui tiga kaedah penganugerahan SKM.

Jadual 11 : Jumlah Pengeluaran SKM Dari Januari Hingga Disember 2008

TAHAP	KAEDAH			JUMLAH
	PUSAT BERTAULIAH	PENTAULIAHAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)	SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)	
1	46,935	2,156	0	49,091
2	38,696	2,209	91	40,996
3	9,719	1,966	399	12,084
4	1,873	168	0	2,041
5	24	8	0	32
JUMLAH	97,247	6,507	490	104,244

Jumlah pengeluaran SKM, DKM dan DLKM pada tahun 2008 mencatatkan peningkatan sebanyak 15,632 (17.6%) sijil berbanding tahun sebelumnya. Carta 5 menunjukkan trend pengeluaran SKM, DKM dan DLKM dari tahun 2004 hingga 2008.

Carta 5 : Jumlah Pengeluaran SKM, DKM dan DLKM Dari Tahun 2004 Hingga 2008



Perakuan Kemahiran Pekerja Asing (PKPA)

Bermula 5 Julai 2005, JPK diberi tanggungjawab bagi memperakukan pekerja asing sebagai pekerja mahir selepas lima tahun bekerja di Malaysia bagi sektor perkilangan sahaja. Pada tahun 2008, sejumlah 10,773 pekerja asing telah diperakukan seperti yang ditunjukkan di Jadual 12.

*Jadual 12 : Jumlah Pengeluaran Sijil Perakuan Kemahiran Pekerja Asing (PKPA)
Sehingga Disember 2008*

BIL	NEGARA	BILANGAN
1	Bangladesh	2,632
2	Filipina	60
3	India	803
4	Indonesia	2,449
5	Kemboja	39
6	Laos	2
7	Myanmar	1,143
8	Nepal	2,484
9	Pakistan	2
10	Sri Lanka	18
11	Thailand	31
12	Vietnam	1,106
JUMLAH		10,773

Certificate of Eligibility (CE)

Mesyyarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing telah memutuskan mulai 1 November 2005 semua pekerja asing yang ingin bekerja di Malaysia perlu menjalani kursus induksi di negara sumber. Pekerja asing perlu lulus ujian serta memperolehi Certificate of Eligibility (CE) yang dikeluarkan oleh JPK sebagai pra syarat untuk memohon Visa Dengan Rujukan (VDR) di Jabatan Imigresen Malaysia.

Bagi memudahkan urusan permohonan dan semakan, Kementerian Sumber Manusia telah menyediakan kemudahan permohonan CE dan penyemakan rekod setiap pekerja asing secara on-line melalui Central Electronic Data System (CEDS) mulai 1 Ogos 2006.

Sehingga Disember 2008, sejumlah 13,544 pekerja asing telah memperolehi Certificate of Eligibility (CE) seperti yang ditunjukkan di Jadual 13.

Jadual 13 : Jumlah Pengeluaran CE Sehingga 31 Disember 2008


BIL	NEGARA	BILANGAN
1	Indonesia	10
2	Myanmar	6,781
3	Vietnam	6,753
	JUMLAH	13,544

Direktori Pakar Industri Negara (DPIN)

JPK telah menetapkan bahawa semua personel yang memohon untuk menjadi Personel Persijilan Kemahiran Malaysia (PPKM) JPK perlu mendaftar melalui eSPKM. Sehingga 31 Disember 2008, jumlah keseluruhan individu yang telah dilantik sebagai PPKM adalah seramai 3,830. Jadual 14 menunjukkan pecahan bagi lantikan PPKM.

Jadual 14 : Jumlah Lantikan Personel Sehingga Disember 2008

BIL	KATEGORI	BILANGAN
1	Pakar Industri Negara	1,103
2	Ahli JPPK	398
3	Coach Industri	16
4	Panel Hakim	38
5	Panel NOSS	38
6	PPL	945
7	PPL-VTO	59
8	PP-PPT	710
9	PPL-PPT	44
10	Pemeriksa NDT	20
11	Pengawas NDT	19
12	DSE	358
13	PP-PA	82
14	Kelayakan Kekompetenan	19
	JUMLAH	3,830



Dalam usaha JPK untuk melahirkan tenaga mahir negara, penglibatan pakar negara dari pelbagai sektor industri amat diperlukan. Ini bertujuan supaya Iepasan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dapat memenuhi tahap kemahiran yang diperlukan oleh industri. Selain itu ia dapat membantu untuk membentuk dan melahirkan k-Pekerja yang berdaya saing, kreatif dan inovatif, berupaya mengadaptasi perubahan teknologi dan fleksibel dalam kemahiran mereka.

Program Pembangunan Pengajar Kemahiran

Bagi memastikan keluaran lulusan SKM mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri, tenaga pengajar memainkan peranan yang penting. Jadual 15 menunjukkan program pembangunan pengajar yang telah dilaksanakan oleh CIIAST pada tahun 2008 bagi memantapkan lagi daya saing dan tahap kekompetenan dari segi kemahiran dalam bidang teknikal dan juga kemahiran mengajar.

Jadual 15 : Jumlah Pembangunan Pengajar Sehingga Disember 2008 (CIIAST)

BIL	PROGRAM	BILANGAN PESERTA
1	Kursus Sijil Pengajar Vokasional	233
2	Kursus DPV	423
3	Kursus DLPV	89
4	Kursus VTO	352
5	Kursus TOT	54
6	Kursus TMD	262
7	Latihan Coach Industri	211
8	Pembangunan Fasilitator DACUM	45
9	Pembangunan Fasilitator LG & COS	121
10	Kursus Induksi Pentauliahan	2,795
11	Kursus PTK	84
12	Kursus Customised	262
13	Kursus Modular	1,644
14	Seminar	483

CAWANGAN-CAWANGAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)

Jabatan Pembangunan Kemahiran Cyberjaya

Blok 4803, CDB Perdana Signature,
Retail/Corporate Office,
Off Persiaran Multimedia,
63000 Cyberjaya, Selangor.
Tel : 03-8321 4700
Faks : 03-8321 4888

Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Utara

Kementerian Sumber Manusia
Lot MZ.03 & MZ.04, Tingkat Mezzanin,
Bangunan KWSP, No. 3009,
Off Lebuhr Tenggiri 2,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Seberang Jaya,
Pulau Pinang.
Tel : 04-380 9400 / 1 / 2
Faks : 04-380 9413
E-mel : jpkutara@mohr.gov.my

Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah

Suit A305-7 & A301-2, West Tower,
Tingkat 3, Wisma Consplant 2,
No 2, Jalan SS 16/4,
47500 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5635 9995
Faks : 03-5638 8777

Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Timur

Tingkat 6, Wisma Maidam,
Jalan Banggol,
20100 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.
Tel : 09-626 5500
Faks : 09-626 5502
E-mel : jpktimur@mohr.gov.my

Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan

Aras 18, Menara KWSP,
Jalan Dato' Dalam,
80000 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim.
Tel : 07-222 6503
Faks : 07-222 6607
E-mel: jpkselatan@mohr.gov.my

Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Sarawak

No. 11-01 & 11-02, Level 11,
Gateway Kuching,
Jalan Bukit Mata,
93100 Kuching,
Sarawak.
Tel : 082-420 257 / 70 / 73
Faks : 082-420 278
E-mel: jpkSarawak@mohr.gov.my

Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Sabah

Loy A6.2 & A6.3, Tingkat 6,
Blok A, Bangunan KWSP,
Jalan Karamunsing,
88598 Kota Kinabalu,
Sabah.
Tel : 088-270 425
Faks : 088-270 424
E-mel: jpkSabah@mohr.gov.my

Pengarah

Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)

Peti Surat 7012, Jalan Petani 19/1,
Seksyen 19, 40900 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5543 8200
Faks : 03-5541 1508